

PM: MSN platform tangani masalah sosial

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Majlis Sosial Negara (MSN) adalah platform aktif dan berkesan untuk agensi kerajaan, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyumbang idea dalam menangani masalah sosial ke arah pembangunan sosial negara yang lebih sejahtera.

Perdana Menteri berkata, kerjasama bersepadu itu amat diperlukan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Perkara itu disampaikan ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bilangan 1 Tahun 2021 yang diadakan secara sidang video di Putrajaya, semalam.

MSN dalam satu kenyataan akhbar memberitahu, mesyuarat berkenaan membangkitkan keperluan penglibatan semua kementerian dan agensi terutama bagi menangani isu kesihatan mental dalam masyarakat pada masa kini.

Justeru, langkah intervensi sosial terhadap isu kesihatan mental dipersetujui untuk dilaksanakan termasuk memperkasakan perkhidmatan kaunseling dengan memperkenalkan Dasar Kaunseling Negara.

"Tahap kesediaan dan strategi negara dalam menghadapi status negara tua menjelang tahun 2030 kelak turut diberi perhatian dan bersetuju intervensi diambil meliputi aspek penjagaan warga emas, kewangan dan perlindungan sosial, pendidikan



**MUHYIDDIN
YASSIN**

dan pekerjaan serta persekitaran warga emas melalui penggabungan Pelan Tindakan Warga Emas," kata kenyataan itu semalam.

Dalam pada itu, MSN sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberitahu, aspek kesukarelaan diperkasa melalui kerjasama pintar serta memperkenalkan Skim Bank Masa bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan aktif sukarelawan.

Jelasnya, pemerkasaan perkhidmatan kaunseling juga ditekankan untuk menangani isu kesihatan mental masyarakat sebagai salah satu sistem sokongan dalam menangani masalah kesihatan mental.

MSN ditubuhkan sebagai jentera pelaksana Dasar Sosial Negara yang merupakan dasar paung merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial negara.